




KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

# KERATAN AKHBAR KESUMA”

SABTU  
2 Mei 2026



PM arah agensi segera beri laporan pelaksanaan inisiatif pekerja

# Tempoh 2 minggu kemuka laporan

Oleh FITRI NIZAM  
dan ARIF AIMAN ASROL  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Semua agensi berkaitan diberikan tempoh masa dua minggu untuk mengemukakan laporan pelaksanaan bagi setiap inisiatif pekerja yang diumumkan Perdana Menteri semalam.

Laporan itu perlu diserahkan kepada menteri terlibat sebelum dibentangkan kepada Jemaah Menteri dalam masa tiga minggu lagi.

Tegas Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau tidak mahu kerajaan mengulangi amalan lampau iaitu selepas sesuatu pengumuman dibuat, tindakan pula mengambil masa lama iaitu enam bulan malah sehingga setahun atau lebih.

"Pengumuman dibuat hari ini, dalam tempoh dua minggu laporan sampai ke meja menteri dan laporan tindakan dibentangkan untuk pertimbangan Jemaah Menteri dalam tempoh tiga minggu.

Bersambung di muka 2



## Meraikan pekerja

**ANWAR Ibrahim menyantuni orang ramai ketika melawat reruai selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Pekerja 2026 yang berlangsung di Unifi Arena, Bukit Jalil, Kuala Lumpur semalam. Lebih 15,000 warga kerja sektor awam dan swasta menghadiri sambutan tersebut yang bertemakan Pekerja MADANI Kesuma Bangsa. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI**

## Hanya suruhanjaya dapat selesai isu 3.22 juta pekerja gig

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA  
shofi.isa@mediamulia.com.my

**KUANTAN:** Hanya menerusi perubahan Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia (MyGiG) dapat menyelesaikan pelbagai isu dan masalah berpanjangan yang

membelenggu kira-kira 3.22 juta pekerja dalam sektor tersebut.

Presiden Majlis Ekonomi Gig Malaysia (MyGiG), Datuk Seri Mohd. Sharkar Shamsudin berkata, kewujudan suruhanjaya itu penting sebagai badan induk yang mempunyai kuasa

menyelaras serta melindungi kebajikan seluruh penggiat ekonomi gig di negara ini.

Menurut beliau, pelaksanaan Akta Pekerja Gig 2025 (Akta 872) yang berkuat kuasa 31 Mac lalu masih belum mampu menangani realiti sebenar sektor ber-

kenaan.

Ini kerana akta itu diletakkan di bawah Kementerian Sumber Manusia sedangkan ekonomi gig merentasi pelbagai kementerian dan sektor.

Bersambung di muka 3

## Dalam Negeri

Utusan Malaysia  
SABTU • 2 MEI 2026 **2**

### Minda Pengarang

YULPISMAN ASLI



## Layanlah pekerja sebagai aset, bukan 'kuli'

SEMALAM 1 Mei 2026, lebih 17 juta rakyat Malaysia, sama ada mereka bekerja makan gaji atau bekerja sendiri, meraikan sambutan Hari Pekerja. Berpuluh tahun sudah kita menyambutnya namun sejauh mana sambutan benar-benar memberi impak dalam memperjuangkan nasib pekerja, masih kekal menjadi perdebatan dalam kalangan pelbagai pihak.

Isu gaji rendah, pelbagai elaun serta imbuhan setimpal, perlindungan insurans, kesihatan, kemudahan pinjaman perumahan dan kenderaan antara yang menjadi perhatian pekerja.

Pekerja sering dianggap sebagai aset penting syarikat dan negara. Memang betul. Tanpa pekerja tiadalah bos, tiadalah syarikat. Ekonomi negara tidak mungkin tumbuh jika pekerja tidak produktif. Namun sejauh mana aset itu diletakkan di tempat sewajarnya, itulah yang terus diperdebatkan.

Sebagai contoh, pendedahan akhbar ini mengenai kebajikan lebih tiga juta pekerja gig yang masih kabur meskipun Akta Pekerja Gig 2025 sudah berkuat kuasa pada 31 Mac lalu. Apa tindakan pihak kerajaan dan majikan?

Begitu juga pelaksanaan gaji minimum RM1,700 sejauh mana ia dikuatkuasakan? Berapa banyak pekerja yang masih dibayar di bawah paras tersebut? Setimpalkah gaji itu bagi pekerja yang hidup di bandar-bandar besar? Nak tahu? Majikan dan pemimpin kerajaan, rajin-rajinlah layari media-media sosial, platform untuk ramai pekerja meluahkan keluh kesah hidup mereka.

Bukan setakat gaji setimpal yang dituntut pekerja. Aspek kebajikan mereka dan keluarga sepatutnya turut diambil kira pihak majikan dan kerajaan. Mana mungkin seorang pekerja dapat menyumbang semaksimumnya kepada syarikat dan majikan jika aspek kebajikan diabaikan. Pekerja sakit, anak isteri atau ibu bapa sakit, kematian antara yang meruntun jiwa dan emosi pekerja. Ambillah peduli, majikan tidak akan rugi pun.

Kisah seorang penjawat awam di Sabah berulang-alik 700 kilometer dari tempat kerja ke rumah demi isteri, anak-anak dan ibunya, wajar membangkitkan kesedaran dan sifat ehsan dalam kalangan majikan. Dia maut ketika dalam perjalanan pulang. Dilaporkan, dia memohon untuk berpindah tetapi gagal, akibatnya dia terpaksa berulang-alik jarak lebih jauh KL-KB. Sebab apa, hanya dia yang tahu. Majikan yang tinggi sifat ihsan dan manusiawi, akan cuba menyelami kehidupan pekerjanya. Tapi, itulah ego seorang majikan, hanya bertindak selepas pekerja sudah tiada. Majikan lebih rela rugi daripada menjaga kebajikan setiap pekerja. Alasan, pertukaran ikut kekosongan dan keperluan, sedangkan ada sahaja pertukaran luar jangka yang berlaku. Lebih teruk lagi, alasan "awak yang memilih pekerjaan ini, kalau tak suka sila berhenti". Ya, begitulah lagak seorang majikan, namun kurang dihormati oleh pekerja.

Majikan perlu ingat, pekerja akan setia dan tidak berkira sekiranya dibayar setimpal, kebajikan mereka dan keluarga terjaga. Pekerja sedia hilang kerja, tukar kerja untuk mendapat penghargaan setimpal. Yang akhirnya rugi adalah majikan. Benar pekerja hilang boleh diganti tetapi pengganti tidak mampu menghasilkan kerja setara dengan pekerja yang pergi. Penghormatan mereka kepada majikan juga tidak sama. Pekerja pergi bersama kepakaran dan kemahiran yang tidak dapat diganti sekalipun mata. Jadi, jika benar pekerja aset, jagalah mereka.

Di pihak pekerja pula, bekerjalah bukan sekadar untuk habuan. Jalankan tugas anda dengan penuh amanah, jangan khianat. Buktikan anda adalah benar, aset untuk syarikat. Maju pekerja, majulah syarikat dan negara. Selamat Hari Pekerja.

Yulpisman Asli adalah Pengarang Berita Utusan Malaysia

## Tempoh 2 minggu kemuka laporan

### Dari muka 1

"Jika tidak, baik Perkeso (Pertubuhan Keselamatan Sosial), HRD Corp, TalentCorp dan lain-lain agensi dipanggil naik ke pentas untuk jawab soalan, bersama Menteri (Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R.) Ramanan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2026 di Unifi Arena, Bukit Jalil di sini semalam.

Majlis sambutan itu telah dihadiri kira-kira 15,000 warga kerja daripada sektor awam dan swasta dari seluruh negara.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R. Ramanan dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Tempoh dua minggu diberikan oleh Perdana Menteri itu merujuk kepada pelaksanaan tiga inisiatif utama yang

diumumkan hari ini termasuk pengenalan Elaun Pasca Cuti Bersalin (EPCB) bagi pekerja wanita yang merupakan bantuan kewangan bagi cuti tambahan sehingga 30 hari yang diambil selepas tempoh cuti bersalin 98 hari tamat.

EPCB itu akan diperkenalkan di bawah Akta Sistem Insurans Pekerja 2017 yang dijangka memberi manfaat kepada lebih 132,000 pekerja wanita di seluruh negara.

Anwar berkata, berdasarkan data Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB), golongan wanita menunjukkan trend pengunduran kerjaya yang kritikal iaitu sehingga 78.9 peratus bagi dua kategori umur.

"Faedah ini dicadangkan (dibayar) pada kadar 80 peratus daripada gaji anggap bulanan Orang Berinsurans (OB) wanita yang akan dibayar secara *one-off*," katanya.

Turut diumumkan, pakej daya tahan ekonomi melibatkan dana bernilai lebih RM710 juta sebagai langkah mem-

perkuh pembangunan modal insan dan kestabilan pasaran buruh negara.

Ia merangkumi dana RM580 juta oleh Perkeso bagi membantu pekerja kehilangan pekerjaan menerusi Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) dan peruntukan RM100 juta di bawah HRD Yakin Madani untuk latihan dan penempatan kerja.

Selain itu, RM20 juta disalurkan kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Kemahiran (PTPK) bagi latihan pekerja gig dan RM10 juta menerusi TalentCorp bagi Geran Padanan Latihan Industri untuk menyokong PMKSI.

Inisiatif ketiga adalah pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 bagi memperluas perlindungan menerusi Perkeso kepada rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara bermula dengan pekerja rentas sempadan Malaysia-Singapura.

Inisiatif dijangka memberi manfaat kepada lebih 480,000 pekerja Malaysia di luar negara.



ANWAR Ibrahim (dua dari kanan) menyampaikan Anugerah Tokoh Pekerja Perkhidmatan Awam kepada Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Seri Amran Mohamed Zin pada Majlis Sambutan Hari Pekerja 2026 di Unifi Arena, Bukit Jalil, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

### Waktu Solat

	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:54	1:18	4:34	7:28	8:40
Alor Setar	5:55	1:18	4:34	7:27	8:39
Pulau Pinang	5:56	1:18	4:35	7:26	8:38
Ipoh	5:55	1:16	4:33	7:23	8:35
Kuala Lumpur	5:53	1:13	4:31	7:20	8:31
Shah Alam	5:53	1:13	4:31	7:20	8:31
Johor Bahru	5:47	1:05	4:23	7:09	8:20
Kuantan	5:48	1:08	4:26	7:13	8:25
Seremban	5:53	1:12	4:30	7:17	8:29
Bandar Melaka	5:52	1:11	4:29	7:16	8:27
Kota Bharu	5:48	1:11	4:27	7:20	8:27
K. Terengganu	5:45	1:07	4:24	7:15	8:27

### Renungan

"Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: "Wahai ayah! Ambillah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah".

Surah al-Qasas ayat-26



ORANG ramai yang hadir membaca ikrar pada Sambutan Hari Pekerja 2026 di Bukit Jalil, Kuala Lumpur. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

## Agih keuntungan syarikat melalui gaji lebih tinggi

Oleh FITRI NIZAM  
dan ARIF AIMAN ASROL  
utusannews@mediamalaysia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Keuntungan syarikat sepatutnya diagihkan kepada pekerja untuk membolehkan mereka menikmati kadar gaji lebih tinggi.

Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil berkata, harapan dan mesej itu jelas dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim demi menjamin kesejahteraan hidup rakyat.

"Saya harap syarikat-syarikat

besar dapat meneliti apa bantuan sokongan terutama daripada aspek gaji dan perlindungan buat para pekerja dapat ditingkatkan tanpa menjejaskan keuntungan yang diperoleh melalui usaha penat lelah para pekerja sendiri," katanya ketika ditemui selepas Majlis Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2026 di Bukit Jalil di sini, semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri menegaskan, manfaat pertumbuhan ekonomi perlu diagihkan lebih seimbang dengan

pekerja dan mengesakan syarikat untuk bertanggungjawab serta tidak mengejar keuntungan semata-mata.

Anwar berkata, kemajuan ekonomi negara tidak seharusnya meminggirkan golongan pekerja yang menjadi tulang belakang kepada pembangunan dan kestabilan negara.

Menurut beliau, pengalaman pelaksanaan dasar gaji minimum lebih tinggi sebelum ini membuktikan syarikat, termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) masih mampu mencatat

keuntungan walaupun meningkatkan bayaran upah kepada pekerja.

Dalam pada itu, Fahmi mengucapkan tahniah kepada wartawan, Terrence Tan Jian Wa dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang menerima Anugerah Media Terbaik.

"Saya turut berbangga kerana Telekom Malaysia (TM) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) turut menerima anugerah. Kedua-dua badan ini berpangkalan di Lembah Pantai iaitu di kawasan saya," katanya.

## Gaji median RM3,000 menjelang 2030

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan menasakan gaji penengah (median) bulanan pekerja di Malaysia meningkat kepada RM3,000 menjelang 2030.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R. Raman berkata, reformasi pasaran buruh bakal dilaksana menerusi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) bagi mewujudkan ekosistem pekerjaan lebih dinamik, berdaya saing dan mampan.

Katanya, kontrak baru antara majikan dan pekerja perlu dibentuk untuk memastikan keuntungan dirasai oleh kedua-dua pihak.

"Dalam kontrak ini, kita menolak model lama yang membiarkan keuntungan terkumpul atau berlegar di satu pihak sementara risiko dipindahkan kepada pihak yang paling lemah.

"Menjelang 2030, sasaran kita gaji penengah bulanan meningkat ke RM3,000 sebulan dan pampasan pekerja mencapai 40 peratus Keluaran Dalam Kasar Negara (KDNK)," katanya ketika berucap pada Sambutan Hari Pekerja 2026 di Bukit Jalil di sini, semalam.

Raman berkata, Malaysia tidak lagi mahu mengikut arus teknologi dunia, sebaliknya menentukan arah sendiri.

## KSU Kementerian Luar antara Tokoh Pekerja Negara

**KUALA LUMPUR:** Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Luar, Datuk Seri Amran Mohamed Zin antara penerima anugerah sempena Majlis Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2026, semalam.

Amran menerima anugerah sebagai Tokoh Pekerja Negara Perkhidmatan Awam (Kumpulan Pengurusan Tertinggi), membawa pulang RM10,000 dan sijil yang disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anugerah Tokoh Pekerja Negara Perkhidmatan Awam

(Kumpulan Pengurusan Profesional) pula diterima Dr. Muhammad Hana Pizi Abdullah dan Dr. Thinakaran Narayanan pula dinobatkan sebagai Tokoh Pekerja Negara Perkhidmatan Awam (Kumpulan Pelaksana).

Tokoh Pekerja Negara (Eksekutif) diterima oleh Ariffin Sabirin dan Sayyidatul Aisyah Sulaiman pula sebagai Tokoh Pekerja Negara (Bukan Eksekutif), kedua-dua anugerah turut menerima RM10,000 dan sijil.

Muhammad Adib Ibrahim yang merupakan orang kurang upaya (OKU) pendengaran dino-

batkan sebagai Tokoh Pekerja Negara (OKU).

Sementara itu, Telekom Malaysia (TM) dinobatkan sebagai Majikan Terbaik Negara (Syarikat Besar/GLC) dan Green Resource Recovery Sdn. Bhd. pula menerima Anugerah Majikan Terbaik Negara (SME).

Bagi Anugerah Kesatuan Sekerja Terbaik Negara bagi sektor awam dan swasta pula diterima oleh Sarawak Teachers' Union serta Kesatuan Pekerja-pekerja Pakaian Seragam Pos Malaysia Berhad (UPUS) Semenanjung Malaysia.



AMRAN Mohamed Zin menerima replika cek disampaikan Anwar Ibrahim di Bukit Jalil, Kuala Lumpur. - UTUSAN/MUHAMMAD IQBAL ROSLI

# ‘Kita tak khianati amanah’

Datuk Seri Anwar Ibrahim mengajak semua pihak terus menyokong langkah ekonomi yang sudah dan bakal diambil kerajaan susulan kenaikan harga minyak dunia akibat krisis Asia Barat. Perdana Menteri memberi jaminan kerajaan akan terus bertungkus-lumus melaksanakan apa yang perlu, termasuk menjaga kebajikan golongan pekerja, sambil menegaskan amanah dan kuasa tidak akan dikhianati untuk kepentingan diri. *Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Nur Fatimah Omar Baki → Nasional 2, 3, 4*



Anwar menyantuni pemandu e-hailing Orang Kurang Upaya (OKU) pada Sambutan Hari Pekerja 2026 di Bukit Jalil, semalam. (Foto BERNAMA)

## Inisiatif untuk golongan pekerja

- **Elaun Pasca Cuti Bersalin (EPCB)**
  - › Bantuan kewangan bagi cuti tambahan sehingga 30 hari (sebulan) yang diambil selepas tamat tempoh cuti bersalin 98 hari.
- **Perlindungan PERKESO warga Malaysia bekerja di luar negara**
  - › Bermula dengan pekerja rentas sempadan Malaysia-Singapura menerusi pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017.
- **Pakej Daya Tahan Ekonomi (PACE)**
  - › Bernilai RM710 juta, mengandungi 4 inisiatif utama bagi perkukuh pasaran buruh, pembangunan modal insan dan kestabilan kerjaya.

## Minda Pengarang



### Bina daya tahan pekerja hadapi cabaran lebih kompleks

**Sambutan** Hari Pekerja semalam, hadir bersama peringatan jelas, kedudukan pekerja kini berdepan cabaran jauh lebih kompleks. Ketika dunia bergelut dengan ketidaktentuan geopolitik di Asia Barat yang menggoncang pasaran tenaga dan rantaian bekalan, pekerja di negara ini turut menanggung kesan limpahannya melalui tekanan kos sara hidup, kenaikan harga barang, ketidakpastian pekerjaan serta perubahan landskap industri.

Dalam konteks inilah pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai inisiatif penting memabihkan kebajikan dan masa depan tenaga buruh menjadi sebahagian usaha memastikan pekerja negara ini kekal berdaya tahan dalam suasana global yang tidak menentu. Antaranya, cadangan memperkenalkan Elaun Pasca Cuti Bersalin, peluasan perlindungan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kepada rakyat Malaysia bekerja di luar negara serta pelaksanaan Pakej Daya Tahan Ekonomi (PACE) bernilai lebih RM710 juta.

Hakikatnya, sumbangan golongan pekerja dalam pembangunan dan ekonomi negara merentas gender, tetapi penurunan kadar penyertaan daripada 78.9 peratus bagi kumpulan wanita berusia 25 hingga 29 tahun kepada 68.6 peratus bagi usia 35 hingga 39 tahun, memberi gambaran jelas bahawa kita sedang kehilangan sebahagian tenaga kerja produktif. Justeru, cadangan Elaun Pasca Cuti Bersalin tidak boleh dipandang sebagai kebajikan semata-mata, sebaliknya untuk memastikan pacuan pertumbuhan tidak terjejas, sekali gus memperkuh kesejahteraan sosial secara menyeluruh.

Begitu juga langkah memperluas perlindungan PERKESO kepada pekerja Malaysia di luar negara, khususnya pekerja rentas sempadan. Risiko dihadapi pekerja ini, termasuk kehilangan satu nyawa secara purata setiap minggu, menuntut pendekatan lebih menyeluruh dan berani daripada kerajaan. Namun, peluasan ini menuntut kerajaan bersama pemegang taruh untuk merangka mekanisme pelaksanaan jelas dan bersepadu, termasuk penyaluran bidang kuasa rentas negara, penetapan tanggungjawab caruman serta pemantauan tuntutan, supaya perlindungan diberikan benar-benar menyeluruh dan tidak sekadar baik pada dasar, tetapi berkesan di lapangan.

Pada masa sama, pelaksanaan PACE memperlihatkan pendekatan lebih sistematis dalam memperkuh daya tahan tenaga kerja. Tumpuan kepada perlindungan sosial, latihan semula, pengupayaan pekerja gig serta pemantauan bakat muda sangat diperlukan dalam menghadapi perubahan teknologi yang pantas. Dalam era kecerdasan buatan (AI) dan automasi, keupayaan pekerja menyesuaikan diri menjadi penentu kelangsungan di pasaran kerja kerana yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang.

Kita juga mengingatkan majikan dan pekerja perlu melaksanakan peranan masing-masing. Majikan tidak boleh melihat pekerja semata-mata sebagai kos, sebaliknya aset strategik yang menentukan kelangsungan organisasi. Pekerja pula perlu meningkatkan kemahiran serta daya tahan bagi menghadapi perubahan landskap pekerjaan yang semakin mencabar. Hakikatnya, dalam apa jua keadaan sama ada ekonomi berkembang atau berdepan krisis, pekerja kekal sebagai nadi kepada negara. Tanpa mereka, segala dasar dan perancangan tidak akan dapat diterjemahkan kepada realiti.

Justeru, sambutan Hari Pekerja bukan sekadar simbolik atau rutin tahunan, tetapi peringatan bahawa masa depan ekonomi negara bergantung kepada sejauh mana kita melindungi, memperkasa dan menghargai golongan ini secara berterusan.



"Saya menggunakan ruang ini, di depan pekerja untuk mengingatkan semua, jika kita mahu pertahankan negara ini supaya aman, lebih inklusif, ia harus ada jiwa ihsan dalam konsep Negara MADANI"

Anwar Ibrahim, Perdana Menteri

### Sambutan Hari Pekerja 2026

# Kerajaan akan kerja bertungkus lumus jaga ekonomi, rakyat

## PM ajak beri sokongan dengan langkah diambil hadapi krisis Asia Barat

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Nur Fatimah Omar Bakri  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan kerajaan akan terus bekerja bertungkus lumus mengambil langkah yang perlu dalam menjaga ekonomi negara dan rakyat.

Pada masa sama, Perdana Menteri turut mengajak rakyat terus memberi sokongan kepada langkah ekonomi yang sudah dan akan diambil kerajaan susulan kenaikan harga minyak dunia akibat krisis Asia Barat.

"Kerajaan, insya Allah akan terus bekerja bertungkus lumus mengambil langkah yang perlu, tapi jangan kita andaikan Mei sama dengan Februari kerana keadaan (ekonomi) dunia buruk. "Tekanan ekonomi, pakar ekonomi, golongan korporat, semua mencadangkan, jika mahu jaga ekonomi, harga minyak harus dinaikkan. Saya jawab, saya realistik dalam menjaga ekonomi negara dan rakyat.

"Saya juga selalu merenung bagaimana nasib golongan pekerja, terutama pada peringkat bawah. Maka, beri sokongan dalam langkah yang kita ambil. Jika pun terpaksa kita ambil beberapa langkah lain, percayalah kita tidak khianati amanah. Kita tidak guna kuasa ayaikan diri atau keluarga," katanya.

Menegaskan demikian ketika

menyampaikan amanat pada Sambutan Hari Pekerja 2026 di Bukit Jalil, semalam, Perdana Menteri turut menyentuh situasi harga bahan api.

"Harga minyak jangan bimbang, kekal RM1.99," katanya merujuk harga petrol RON95 yang dikekalkan dan menjelaskan kerajaan bagaimanapun perlu mengambil beberapa langkah mengambill kerana keadaan ekonomi mungkin semakin memburuk.

Tambahnya, negara pengeluar minyak menaikkan harga bahan api, termasuk pengeluar terbesar seperti Emiriah Arab Bersatu (UAE), namun Malaysia masih mengekalkan harga terendah di dunia, selain Brunei.

Media minggu ini melaporkan harga minyak melonjak ke paras tertinggi dalam tempoh empat tahun berikutan kebimbangan kemungkinan tercetus semula persengketaan di Asia Barat.

Penanda aras antarabangsa minyak mentah *Brent* meningkat lebih tujuh peratus kepada AS\$126 satu tong, sebelum susut sedikit dalam dagangan tengah hari di London.

### Pelihara kebajikan pekerja

Menyentuh isu pekerja dalam ucapannya pada sambutan bertemakan 'Pekerja MADANI Kesuma Negara' itu, Anwar menggesa pimpinan syarikat korporat lebih prihatin dan mempunyai ihsan terhadap pekerja mereka.

Ia, katanya, dengan mempertimbangkan kenaikan gaji bagi memelihara kebajikan golongan berkenaan, sekali gus merangsang produktiviti syarikat.

Tegas Perdana Menteri, kerajaan boleh menggubal secara undang-undang dasar kenaikan gaji, namun pelaksanaannya sukar dikenakan ke atas syarikat swasta kerana sistem sedia ada tidak menjadikan ia satu formula yang mudah.

"Kita mahu pekerja berdisiplin, produktiviti tinggi, itu tanggungjawab pekerja di semua peringkat. Kita mahu negara ini bersih, maka tukang sapu sampah dan tukang cuci bekerja.

"Jadi, bolehkah kita renungkan, ketuk pintu hati dan tanya, apakah mereka ini diberi perhatian dan keadilan secukupnya? Jangan semua program dijadikan isu politik, bagaimana mahu bangunkan ekonomi?"

"Saya menggunakan ruang ini, di depan pekerja untuk mengingatkan semua, jika kita mahu pertahankan negara ini supaya aman, lebih inklusif, ia harus ada jiwa ihsan dalam konsep Negara MADANI," tambahnya.

Anwar berkata, beliau tidak mengusulkan supaya diberi ganjaran atau upah sehingga menyebabkan syarikat rugi dan hilang daya saing, sebaliknya agar pimpinan negara dan syarikat lebih prihatin serta mempunyai ihsan.

Katanya, Kerajaan MADANI sentiasa memberi tumpuan untuk menambah baik gaji dan kebajikan pekerja, termasuk melalui Dasar Gaji Minimum dan Akta Pekerja Gig 2025.

"Pemimpin kesatuan, rakan-rakan di situ, nak dapatkan keputusan gaji minimum, bahas selama tujuh tahun nak naikkan daripada RM1,200 ke RM1,500, pelbagai masalah dibangkitkan.

"Syarikat besar kata 'kita tidak mampu, kita akan jadi miskin kerana gaji naik sedikit', tapi Alhamdulillah, barisan pimpinan hari ini menyatakan mesti naik dan kita hadapi, maka naik RM1,500," katanya.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Raman dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

## Sambutan Hari Pekerja 2026

# Kerajaan bakal laksana Pakej Daya Tahan Ekonomi lebih RM710 juta

Langkah perkukuh pembangunan modal insan, kestabilan pasaran buruh negara

Oleh Zanariah Abd Mutaib dan Nur Fatimah Omar Bak  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan melaksanakan Pakej Daya Tahan Ekonomi Progressive Acceleration for Capability and Employment (PACE) bernilai lebih RM710 juta sebagai langkah memperkukuh pembangunan modal insan dan kestabilan pasaran buruh negara, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, program itu akan dilaksanakan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menerusi empat inisiatif utama bagi membantu pekerja terus berdaya saing, juga sebagai persediaan kepada mereka yang bakal kehilangan pekerjaan untuk dilatih kemahiran baharu, seiring permintaan dan keperluan industri terkini.

"Melalui PACE, kerajaan akan memperkukuh jaringan keselamatan melalui faedah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), khusus bagi membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan dan meningkatkan kebolehan mereka dengan dana SIP lebih RM580 juta melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

"Kita mahu memastikan golo-

ngan belia dan kumpulan rentan sentiasa kompetitif dan produktif. Justeru, kerajaan melalui HRD Corp memperuntukkan RM100 juta di bawah program HRD Yakin MADANI yang turut disokong MyFutureJobs bagi memudahcara penempatan pekerja-an.

"Bagi mempelbagai kemahiran dan memperkukuh perlindungan keselamatan sosial pekerja gig, kerajaan menyalurkan peruntukan RM20 juta kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Kemahiran (PTPK) khusus untuk latihan kemahiran pekerja gig, terutama pekerja e-hailing dan p-halling," katanya dalam amanat sambutan Hari Pekerja 2026 dengan tema 'Pekerja MADANI Kesuma Negara' di sini, semalam.

Selain itu, bagi pemantapan bakat muda dan ketahanan perindustrian mikro, kecil dan sederhana (PMKS), Perdana Menteri memaklumkan, kerajaan akan menyediakan Geran Padanan Latihan Industri bagi menyokong perusahaan dan syarikat pemula yang mengambil pelatih industri.

"Inisiatif ini akan dibiayai TalentCorp dengan peruntukan sebanyak RM10 juta," katanya.

### Perkenal EPCB

Beliau berkata, kerajaan secara prinsip bersetuju memperkenalkan Elaun Pasca Cuti Bersalin (EPCB) pada kadar 80 peratus daripada gaji angpangan bulanan Orang Berinsurans (OB) wanita, yang akan dibayar secara *one-off*.

Katanya, inisiatif itu yang akan membabitkan pindaan ke-

## PENGUMUMAN PM SEMPENA HARI PEKERJA 2026



**Elaun Pasca Cuti Bersalin (EPCB)**

- Elaun ini adalah bantuan kewangan bagi cuti tambahan sehingga 30 hari (sebulan) yang diambil selepas tamat tempoh cuti bersalin 98 hari
- Beri manfaat kepada lebih 132,000 pekerja wanita

**Cadangan peluasan perlindungan PERKESO kepada warganegara Malaysia di luar negara**

- Cadangan peluasan perlindungan PERKESO kepada warganegara Malaysia di luar negara
- Beri manfaat lebih 480,000 pekerja

**Pakej Daya Tahan Ekonomi (PACE) bernilai lebih RM710 juta**

**EMPAT INISIATIF UTAMA PACE 2026 :**

- Kesilapsagaan Perlindungan Sosial
- Perkerasaan Latihan dan Penempatan Kerja
- Pengupayaan Pekerja Gig
- Pemantapan Bakat Muda dan Ketahanan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS)

Infografik BH

pada Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 dijangka memberi manfaat kepada lebih 132,000 pekerja wanita.

Pelaksanaan EPCB adalah susulan hasil kajian Kadar Penyer-

taan Tenaga Buruh (KPTB) yang menunjukkan kemerosotan pengunduran kerjaya oleh golongan wanita, iaitu daripada tahap optimum 78.9 peratus bagi kategori berusia 25 hingga 29 ta-

hun kepada 68.6 peratus bagi usia 35 hingga 39 tahun.

"Komitmen *maternity* (bersalin) dipercayai adalah antara faktor penyumbang kepada penurunan ini. Jadi, sebagai langkah progresif mengiktiraf peranan wanita dan ibu di negara kita, bersetuju untuk memperkenalkan elaun pasca cuti bersalin di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017.

"Elaun ini adalah bantuan kewangan bagi cuti tambahan sehingga 30 hari (sebulan) yang diambil selepas tamat tempoh cuti bersalin 98 hari.

"Hasratnya adalah kita tidak mahu seperti yang berlaku selama ini, ibu merasakan terpaksa berhenti dan meninggalkan lapangan pekerjaan. Ini cadangan kita untuk mengurangkan tekanan itu," katanya.

### Perlindungan diperluas

Sementara itu, Perdana Menteri memaklumkan, kerajaan akan meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri 2017 bagi membolehkan perlindungan diperluas kepada rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara, bermula dengan pekerja rentas sempadan Malaysia-Singapura.

Beliau berkata, secara purata, satu nyawa rakyat Malaysia hilang setiap minggu atau 54 kematian setahun dalam kalangan pekerja rentas sempadan, justeru perlindungan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) perlu diperluas kepada golongan ini.

"Ramai sekali yang bekerja tanpa perlindungan dan ini insya-Allah akan memberi manfaat kepada 480,000 pekerja," katanya.

## Sasar gaji penengah bulanan naik kepada RM3,500

**Kuala Lumpur:** Kementerian Sumber Manusia menasjar gaji penengah bulanan pekerja negara ini meningkat kepada RM3,500 pada 2030, manakala pampasan pekerja dijangka mencapai 40 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KDNK).

Bagi mencapai matlamat itu, Menteri, Datuk Seri R Ramanan, berkata pihaknya akan memperkasa Majlis Perundingan Gaji Negara, termasuk menetapkan gaji permulaan untuk siswazah dan lulusan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

"Ini bukan impian. Ini perancangan yang sedang dilaksanakan," katanya ketika berucap pada Sambutan Hari Pekerja 2026 dengan tema 'Pekerja MADANI Kesuma Negara', di sini semalam.

Majlis disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri-Menteri Kabinet dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Ramanan berkata, mulai Jun ini, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan melak-

sanakan Skim LINDUNG24Jam yang akan memberi manfaat kepada 9.6 juta pencarum.

"Golongan pekerja ini akan dilindungi sepanjang masa, bukan hanya semasa bekerja. Jika kemalangan berlaku di luar waktu kerja pun, mereka tetap dilindungi," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, had usia Skim LINDUNG KASIH untuk suri rumah akan dinaikkan dari 55 kepada 60 tahun, dengan lebih 720,000 wanita akan mendapat manfaat.

"Suri rumah menjaga anak, orang tua, ahli keluarga yang sakit kerana mereka menyum-

bang besar kepada negara. Sudah tiba masanya kita balas jasa mereka dengan perlindungan yang lebih baik. Ini bukan hanya sekadar dasar, ini adalah janji yang dipenuhi oleh Kerajaan MADANI kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata, Kementerian Sumber Manusia juga akan menubuhkan Akademi Semikonduktor KESUMA (ASK) untuk melatih bakat dalam reka bentuk cip dan pembuatan kecerdasan buatan (AI).

Katanya, ASK akan menyediakan bakat yang berterusan untuk menyokong pelaburan

syarikat global utama, sekali gus memperkukuh rantaian nilai semikonduktor negara.

Beliau berkata, KESUMA juga sedang mereformasi 26 undang-undang supaya kerangka perundangan di bawah kementerian itu kekal relevan, adil dan berkesan untuk dunia pekerjaan hari ini dan masa hadapan.

"Undang-undang yang baik tidak berguna jika rakyat tidak boleh mengaksesnya. Justeru, KESUMA akan memperkenal Mahkamah Buruh Bergerak, sebuah mahkamah yang bergerak ke tempat pekerja berada," katanya.

## Jamin FOI, Ombudsman perkasa ketelusan hak pekerja

**Kuala Lumpur:** Kerajaan memberi jaminan pengubalan Akta Kebebasan Maklumat (FOI) dan penubuhan Ombudsman Malaysia yang akan dibentangkan pada sidang Parlimen seterusnya, akan mempertingkatkan ketelusan, akauntabiliti serta akses kepada keadilan bagi pekerja.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata FOI akan memperkuatkan perlindungan kepada pekerja dengan akses kepada maklumat berkaitan hak dan dasar buruh. "Katanya, Ombudsman pula berperanan sebagai saluran aduan bebas terhadap salah laku pentadbiran, sekali gus menjamin ruang bersuara dan perlindungan lebih berkesan kepada pekerja."

"Di samping itu, kerajaan juga sudah melaksanakan pelbagai langkah yang memberi manfaat kepada pekerja seperti peluasan akses kepada keadilan melalui Akta Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2026, termasuk peningkatan had kelayakan pendapatan bagi mendapatkan bantuan guaman kepada RM50,000.

"Selain itu, kerajaan juga perkuhuk Dasar Peluang Kedua melalui inisiatif Fastrack yang mempercepat pelepasan status bankrap bagi golongan rentan.

"Khidmat mediasi percuma bagi pertikaian kontrak bernilai RM250,000 ke bawah juga turut disediakan bagi membolehkan penyelesaian lebih cepat dan kos efektif tanpa melalui mahkamah bagi memastikan pekerja, khususnya mereka yang berpendapatan rendah turut berpeluang mendapatkan pembelaan undang-undang," katanya dalam kenyataan media di sini, semalam.

Azalina berkata, kerajaan turut akan memperkuhukkan usaha melalui Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) 2025-2030.

"Usaha ini merangkumi elemen pengukuhan akses kepada remedi, perlindungan daripada amalan buruh tidak adil serta penggalakan amalan perniagaan bertanggungjawab berasaskan prinsip hak asasi manusia, selaras dengan matlamat memastikan pembangunan ekonomi seiring dengan keadilan sosial dan pekerjaan bermaruah.

"Walaupun apa pun, kerajaan kekal komited untuk terus memperkuhuk kebebasan, perlindungan dan maruah pekerja melalui agenda reformasi undang-undang dan institusi yang menyeluruh, berteraskan keadilan sosial, perlindungan pekerja dan peluang yang saksama," katanya.

## Sambutan Hari Pekerja 2026



Anwar bersama Ahmad Zahid menyampaikan anugerah Tokoh Pekerja Negara Perkhidmatan Awam (Kumpulan Pengurusan Tertinggi) kepada Amran pada sambutan Hari Pekerja 2026 di Bukit Jalil, semalam. Turut sama, Ramanan; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar (kiri) dan Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

# KSU Kementerian Luar antara penerima anugerah

Beberapa tokoh dan kesatuan turut terima pengiktirafan

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Nur Fatimah Omar Baki  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Luar, Datuk Seri Amran Mohamed Zin antara penerima anugerah sempena Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2026 yang diilangungkan di Bukit Jalil, di sini, semalam.

Pada sambutan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim itu, Amran terpilih sebagai Tokoh Pekerja Negara Perkhidmatan Awam (Kumpulan Pengurusan Tertinggi) yang memperuntukkan hadiah wang tunai RM10,000 dan sijil.

Sementara itu, anugerah Tokoh Pekerja Negara Perkhidmatan Awam (Kumpulan Pengurusan Profesional) diterima Imam Besar Negeri Kelantan, Dr Muhammad Hana Plzi Abdullah, manakala Penolong Pegawai Latihan Vokasional Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IK-TBN), Dr Thinakaran Narayanan, menerima anugerah Tokoh Pekerja Negara Perkhidmatan Awam (Kumpulan Pelaksana).

Ketua Pegawai Eksekutif Wasyyah Shoppe Bhd, Ariefin Sabirin, menerima Anugerah Tokoh Pekerja (Eksekutif) dan Sa'yidatul Aisyah Sulaiman dari



Petugas Kumpulan Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) pada Sambutan Hari Pekerja 2026. (Foto BERNAMA)

pada Syarikat Aerospace Technology Systems Corp diumumkan penerima Anugerah Tokoh Pekerja (Bukan Eksekutif). Masing-masing membawa pulang RM10,000 dan sijil.

Tokoh Pekerja Negara (OKU) diberikan kepada Muhammad Adib Ibrahim, manakala Telekom Malaysia (TM) dinobatkan Majikan Terbaik Negara (Syarikat Besar/GLC) dan Green Resource Recovery Sdn Bhd sebagai Majikan Terbaik Negara (SME).

Kesatuan Guru Sarawak (STU) meraih anugerah Kesatuan Pekerja Terbaik Negara bagi sektor awam, manakala Kesatuan Pekerja-Pekerja Pakaian Seragam Pos Malaysia Berhad (UPUS) Semanjung Malaysia bagi kategori sektor swasta.

Anugerah Kesatuan Sekerja Terbaik Negara (Badan Berkanun) dianugerahkan kepada Ke-

satuan Pekerja-Pekerja RISDA Semenanjung Malaysia (KPRISM).

Bagi kategori media, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) menerima anugerah Media Terbaik (agensi), manakala wartawan Star Media Group, Tarrence Tan Jian Wai, menerima anugerah media terbaik (individu).

Majlis penyampaian anugerah disempurnakan Anwar dan turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ramanan Ramakrishnan.

**Terima selepas 60 tahun**  
Sementara itu, Presiden STU, Kullin Djayang, berkata anugerah berkenaan yang pertama diterima kesatuan, pengiktirafan selepas 60 tahun berjuang. "Saya ucapkan ribuan tahniah

dan terima kasih kepada semua pemimpin STU yang lalu serta kepimpinan semasa, termasuk semua pihak yang sudah bertungkus lumus," katanya.

STU turut diiktiraf atas pembabitian aktif dalam program antarabangsa, termasuk inisiatif *Education International Asia Pacific* di Bangkok dan sumbangan dalam memperkasa profesion perguruan peringkat ASEAN.

Setiausaha Agung UPEIS, Nikmatullah Abu Bakar Chti menyifatkan anugerah diterima kesatuan itu sebagai simbol penghormatan dan simbol kerjasama padu seluruh anggota sejak penubuhan STU pada 1959.

"Perjalanan panjang ini membentuk asas yang kukuh dalam memperjuangkan keadilan dan kepentingan anggota secara berterusan," katanya.

Sementara itu, Arifin ketika ditemui pemberita berkata, pengiktirafan seumpama ini amat penting dalam menyuntik semangat pekerja untuk terus meningkatkan prestasi, khususnya dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa.

"Kita berdepan cabaran ekonomi yang hebat pada masa kini. Jadi anugerah seperti ini memberi semangat yang kuat kepada kita untuk bekerja lebih keras dalam membantu negara dan meningkatkan produktiviti.

"Saya turut ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan kerajaan dipimpin Perdana Menteri kerana memberikan anugerah ini kepada pekerja," katanya.

SUARA RAKYAT

# Sinar Harian

## Hadiah untuk pekerja Malaysia

# Elaun bersalin 80% gaji

**KERAJAAN** bakal memperkenalkan Elaun Pasca Cuti Bersalin pada kadar 80 peratus daripada gaji bagi menyokong wanita kekal dalam pasaran kerja.

Inisiatif berbentuk *one-off* tersebut diberikan kepada ibu yang mengambil cuti tambahan sehingga 30 hari selepas tamat tempoh cuti bersalin wajib selama 98 hari.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menasarkankan langkah itu mampu memberi manfaat kepada 132,000 pekerja wanita bagi mengurangkan tekanan komitmen materniti.

Muka surat 2, 3 & 4

### 3 INISIATIF SEMPENA HARI PEKERJA 2026

- 1 ELAUN PASCA CUTI BERSALIN**  
Bantuan kewangan sehingga **30 hari** selepas cuti bersalin dengan **80% GAJI**
- 2 PERLINDUNGAN PERKESO KEPADA RAKYAT MALAYSIA BEKERJA DI LUAR NEGERA**  
diperluaskan bermula pekerja rentas sempadan **MALAYSIA-SINGAPURA**
- 3 PAKEJ DAYA TAHAN EKONOMI 2026 (PACE)**  
Peruntukan melebihi **RM710 JUTA** untuk memperkasakan pekerja melalui:  
- LATIHAN  
- PERLINDUNGAN SOSIAL SIP  
- PENGUPAYAAN GIG  
- GERAN LATIHAN INDUSTRI



## PM umum langkah drastik perkukuh hak dan kebajikan pekerja

**KUALA LUMPUR** - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan Pakej Daya Tahan Ekonomi Progressive Acceleration for Capability and Employment (PACE) bernilai lebih RM710 juta sebagai langkah memperkukuh pembangunan modal insan dan kestabilan pasaran buruh negara.

Ketika menyampaikan amanat pada Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2026 yang dihadiri 15,000 warga kerja daripada sektor awam dan swasta dari seluruh negara di Unifi Arena, Bukit Jalil pada Jumaat, beliau berkata, PACE merupakan sebahagian daripada strategi daya tahan ekonomi.

"Ia meliputi empat inisiatif utama dan dilaksanakan melalui Kementerian Sumber Manusia (Kesuma)," kata beliau.

Selain itu, Perdana Menteri turut mengumumkan akan membuat pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017, bagi memperluas perlindungan menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) kepada rakyat Malaysia yang be-

kerja di luar negara, bermula dengan pekerja rentas sempadan Malaysia-Singapura.

Inisiatif itu dijangka dapat memanfaatkan lebih 480,000 pekerja yang mencari rezeki merentasi Tambak Johor.

"Secara purata, satu nyawa rakyat kita hilang setiap minggu atau 54 kematian setahun dalam kalangan pekerja rentas sempadan ini. Anak-anak kita bekerja di luar negara bangun 4 pagi menyeberang ke Singapura pulang malam.

"Jadi, bagaimana harus kita perluas perlindungan Perkeso kepada warga negara Malaysia di luar negara?"

"Jadi kita akan pinda Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 bagi membolehkan perlindungan diperluaskan," kata beliau.

Sementara itu, Anwar menjelaskan bahawa PACE yang meliputi empat inisiatif utama yang dilaksanakan melalui Kesuma, antaranya melibatkan Perkeso yang menyediakan dana RM580 juta bagi pengukuhan jaringan keselamatan, menerusi faedah-Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) untuk membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan serta meningkatkan kebolehgajian mereka.

"Di era AI ini, kita tidak boleh ketinggalan dalam pemerkasaan latihan dan penempat-

**LAPORAN MUKA DEPAN**

an kerja, kita harus memastikan golongan belia dan kumpulan rentan sentiasa kompetitif dan produktif.

"Bagi tujuan ini, kerajaan melalui HRD Corp memperuntukkan RM100 juta di bawah program HRD Yakin Madani yang turut disokong oleh MyFutureJobs bagi memudah cara penempatan pekerjaan.

"Ketiga, bagi mempelbagaikan kemahiran dan memperkukuh perlindungan keselamatan sosial pekerja gig, kerajaan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM20 juta kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Kemahiran (PTPK) khusus untuk latihan kemahiran pekerja gig terutamanya pekerja e-halling dan phalling," kata beliau yang mendapat sorakan gemuruh daripada semua yang hadir.

Selain itu, Anwar turut mengumumkan penyediaan dana RM10 juta daripada TalentCorp bagi pembiayaan Geran Padanan Latihan Industri bagi menyokong perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta syarikat pemula yang mengambil pelatih industri.

Dalam pada itu, Anwar memberikan tempoh dua minggu kepada semua agensi berkaitan untuk mengemukakan laporan pelaksanaan setiap inisiatif bagi pekerja yang diumumkan beliau.

Beliau berkata, laporan itu perlu diserahkan

## PACE RM710 JUTA

Perkukuh tenaga kerja negara

**RM580 JUTA** 82%

**SIP PERKESO**  
Bantu hilang kerja • Tingkat kebolehgajian

**RM100 JUTA** 14%

**HRD CORP**  
Latihan • Penempatan kerja

**RM20 JUTA** 3%

**PTPK**  
Latihan pekerja gig

**RM10 JUTA** 1%

**TALENTCORP**  
Geran latihan industri PMKS

**PERKESO KE SINGAPURA**

**480,000** pekerja

Rentas sempadan dilindungi

54 kematian setahun pekerja rentas sempadan

kan kepada menteri terlibat, sebelum dibentangkan kepada Jemaah Menteri dalam masa tiga minggu lagi.

"Saya tidak mahu amalan lampau di mana pengumuman dibuat, tindakan mengambil masa enam bulan sehingga setahun atau lebih. Pengumuman dibuat hari ini, dalam tempoh dua minggu laporan sampai ke meja menteri dan laporan tindakan dibentangkan untuk pertimbangan Jemaah Menteri dalam tempoh tiga minggu.

"Jika tidak, baik Perkeso, HRD Corp, TalentCorp dan lain-lain agensi dipanggil naik ke pentas untuk jawab soalan, bersama menterinya Ramanan (Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R. Ramanan)," katanya.

Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan pada Jumaat turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Ramanan; Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil serta barisan Kabinet.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, pegawai kanan kerajaan serta wakil kesatuan pekerja dan majikan. - *Bernama*

## Kerajaan perkenal elaun pasca cuti bersalin, bantu ibu selepas lahirkan anak

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan akan memperkenalkan Elaun Pasca Cuti Bersalin sebagai langkah progresif bagi menyokong penyertaan wanita dalam tenaga buruh serta mengurangkan tekanan yang dihadapi ibu selepas melahirkan anak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, inisiatif itu diperkenalkan susulan dapatan bahawa kadar penyertaan tenaga buruh dalam kalangan wanita, khususnya berumur antara 25 hingga 39 tahun, menunjukkan sedikit penurunan, antaranya disebabkan komitmen materniti.

Beliau berkata, elaun itu akan diperkenalkan melalui pindaan kepada Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 dan bertujuan memberikan sokongan kewangan tambahan kepada ibu yang memerlukan masa lebih panjang selepas tempoh cuti bersalin.

"Rasionalnya ialah kita tidak mahu se-

# 132,000 wanita dapat manfaat

**LAPORAN MUKA DEPAN**

telah itu sepertimana yang berlaku selama ini, ibu merasakan terpaksa berhenti dan meninggalkan medan pekerjaan," kata beliau ketika menyampaikan amanat pada Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2026, di sini pada Jumaat.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, faedah elaun akan ditetapkan pada kadar 80 peratus daripada gaji anggaran bulanan bagi pekerja wanita yang diinsuranskan, dan akan dibayar secara sekali beri (*one-off*).

"Elaun ini merupakan bantuan kewangan bagi cuti tambahan hingga 30 hari sebelum yang diambil selepas tamat tempoh cuti bersalin 98 hari," kata beliau sambil menambah kerajaan sentiasa komited

dalam memperkasakan wanita sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan sosial negara.

Anwar berkata inisiatif itu dijangka memberikan manfaat kepada lebih 132,000 pekerja wanita di seluruh negara.

Mengikut Akta Kerja 1955, setiap pekerja wanita di negara ini layak menikmati cuti bersalin sebanyak 98 hari berterusan termasuk hari rehat dan hari kelepasan am.

Pekerja wanita turut layak mendapatkan elaun bersalin sekiranya bekerja sekurang-kurangnya 90 hari dalam tempoh sembilan bulan sebelum bersalin, bekerja sekurang-kurangnya sehari dalam tempoh empat bulan sebelum bersalin, dan mempunyai kurang daripada lima orang anak yang masih hidup. - *Bernama*

## Anwar tegur majikan, bela nasib pekerja

**KUALA LUMPUR** - Datuk Seri Anwar Ibrahim menyeru majikan supaya lebih prihatin serta berihisan dalam memastikan kebajikan pekerja terus terbela.

Perdana Menteri berkata, keamanan dan pembangunan pesat negara mesti bergerak seiring dengan jaminan kesejahteraan semua lapisan masyarakat termasuk pekerja.

"Negara ini harus aman, negara ini harus membangun dan maju... tetapi harus juga jamin nasib pekerja itu terbela. Ini utama," kata Anwar ketika menyampaikan amanat pada Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2026.

Perdana Menteri berkata, pencapaian ekonomi negara ketika ini membanggakan antara lainnyanya mencatatkan kadar pertumbuhan pesat, pelaburan tertinggi dalam sejarah, kadar pengangguran rendah serta prestasi ringgit yang kukuh di Asia.

Namun, beliau membangkitkan persoalan sama ada golongan pekerja, khususnya di peringkat bawahan dan pertengahan menerima pembelaan yang sewajarnya dengan perkembangan tersebut.

"Kita (boleh) senaraikan berapa syarikat peringkat atas di negara kita, untung RM1 bilion, RM2 bilion (tetapi) mahu naikkan gaji pekerja RM40 pun sukar. Kita mahu pekerja disiplin, produktiviti tinggi, itu tanggungjawab pekerja di semua peringkat.

"Kita mahu di negara ini bersih, maka tukang sapu sampah dan tukang cuci berkorban. Jadi, boleh tidak kita renungkan, ketuk pintu hati dan tanya apakah mereka ini diberi perhatian dan keadilan secukupnya?" kata Perdana Menteri.



Anwar menyampaikan Anugerah Tokoh Pekerja Negara Perkhidmatan Awam kepada Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Seri Amran Mohamed Zin, pada Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2026 di Unifi Arena, Bukit Jalil pada Jumaat.

Oleh itu, beliau menggesa semua kepimpinan syarikat untuk bermuhasabah dan menilai semula layanan yang diberikan terhadap pekerja masing-masing.

"Saya tidak mengusulkan diberikan ganjaran sehingga menyebabkan syarikat itu rugi, saya tidak pernah mengusulkan, saya tidak mengusulkan supaya kita hilang daya saing... saya hanya mengusulkan supaya pimpinan negara, pimpinan syarikat itu lebih prihatin dan menunjukkan sikap ihsan," kata beliau.

Mengenai Sambutan Hari Pekerja, Anwar berkata, ia merupakan wadah buat semua pihak mengisfakan perjuangan da-

lam memberi pengiktirafan sewajarnya kepada golongan pekerja, selain mendorong usaha memperbaiki kebajikan mereka.

"Ini tidak mudah kerana negara ini dicitur tentunya oleh parti, kelompok yang cukup berpengaruh, intelektual yang pintar dan umumnya mereka itu mewakili golongan kelompok atasan. Walaupun negara merdeka, kadangkala pandangan golongan itu hanya mewakili kelompok atasan.

"Sebab itu Hari Pekerja harus mengingatkan kita bahawa tidak ada rakyat, petani dan nelayan, tidak ada menteri. Tidak ada pekerja bawahan, tidak ada syarikat yang dapat membanggakan kejayaan," katanya.

### INFO SENARAI TOKOH PEKERJA 2026

#### TOKOH PEKERJA NEGARA (PERKHIDMATAN AWAM)

**Kumpulan Pengurusan Tertinggi**  
Datuk Seri Amran Mohamed Zin  
(Ketua Setiausaha, Kementerian Luar)

**Kumpulan Pengurusan & Profesional**  
Dr Muhammad Hana Pizi Abdullah  
(Imam Besar Negeri Kelantan)

**Kumpulan Pelaksana**  
Dr N Thinakaran  
(Penolong Pegawai Latihan Vokasional, Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara - IKTBN)

#### TOKOH PEKERJA (SEKTOR SWASTA)

**Eksekutif**  
Ariffin Sabirin  
(Ketua Pegawai Eksekutif, Wasiyyah Shoppe Bhd)

**Bukan Eksekutif**  
Sayyidatul Aisyah Sulaiman  
(Syarikat Aerospace Technology Systems Corp)

#### TOKOH PEKERJA (OKU)

Muhammad Adib Ibrahim

#### ANUGERAH MEDIA TERBAIK

**Individu**  
Terrence Tan Jian Wai  
(STAR Media Group)

#### ANUGERAH (ORGANISASI)

**Majikan Terbaik Negara (Syarikat Besar/GLC)**  
Telekom Malaysia (TM)

**Majikan Terbaik Negara (SME)**  
Green Resource Recovery Sdn Bhd

**Kesatuan Sekerja Terbaik Negara (Sektor Awam)**  
Sarawak Teacher's Union

**Kesatuan Sekerja Terbaik Negara (Sektor Swasta)**  
Kesatuan Pekerja-Pekerja Pakaian Seragam Pos Malaysia Berhad (UPUS) Semenanjung Malaysia

**Kesatuan Sekerja Terbaik Negara (Badan Berkanun)**  
Kesatuan Pekerja-Pekerja RISDA Semenanjung Malaysia (KPPRSM)

**Media Terbaik (Agensi)**  
Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)

**Kontinjen Terbaik Hari Pekerja 2026**  
Tenaga Nasional Bhd (TNB)

Nota: Kesemua penerima bagi 14 kategori itu membawa pulang wang tunai RM10,000 bersama plak penghargaan.

# Had bantuan guaman naik ke RM50,000

**Mediasi percuma kes bawah RM250,000, lebih ramai pekerja dilindungi**

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY MAT NOOR



AZALINA

**SHAH ALAM** - Kerajaan mengumumkan langkah proaktif memperkuh perlindungan pekerja melalui perluasan akses keadilan, termasuk menaikkan had kelayakan pendapatan bagi bantuan guaman kepada RM50,000.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Azalina Othman Said berkata, inisiatif itu dilaksanakan menerusi Akta Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2026 bagi memastikan golongan pekerja, khususnya berpendapatan rendah, mendapat pem-

belaan undang-undang sewajarnya. "Kerajaan turut menyediakan khidmat mediasi percuma bagi pertikaian kontrak bernilai RM250,000 ke bawah. Langkah ini membolehkan penyelesaian dibuat lebih cepat dan kos efektif tanpa melalui proses mahkamah yang panjang," katanya dalam kenyataan sempena sambutan Hari Pekerja.

Mengulas agenda reformasi institusi, beliau berkata penggabungan Akta Kebebasan Maklumat (FOI) dan penubuhan Ombudsman Malaysia akan dibentangkan pada sidang Parlimen akan datang.

Katanya, Ombudsman Malaysia akan berfungsi sebagai saluran aduan bebas terhadap salah laku pentadbiran, manakala FOI memberi akses lebih luas kepada maklumat berkaitan hak dan dasar buruh.

"Langkah ini akan meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti, sekali gus menjamin ruang bersuara serta perlindungan lebih berkesan kepada pekerja," ujarnya.

Dalam pada itu, komitmen kerajaan diperkuh menerusi Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia 2025-2030, yang memberi penekanan kepada sektor buruh bagi menangani amalan perniagaan tidak adil serta memastikan pembangunan ekonomi seiring keadilan sosial.

Katanya, kerajaan turut memperkasa Dasar Peluang Kedua melalui inisiatif *fasttrack* bagi mempercepatkan proses pelepasan status mufis, khususnya melibatkan golongan rentan.

"Sambutan Hari Pekerja bertema 'Pekerja Madani Kesuma Bangsa' mencerminkan litzizam kerajaan untuk membina sistem lebih adil dan inklusif. Kita mahu setiap pekerja dilindungi, dihargai dan diberi peluang saksama," katanya.

Ibu bersalin kini lebih tenang



**KUALA LUMPUR** - Pengumuman Perdana Menteri mengenai pengenalan Elaun Pasca Cuti Bersalin disifatkan sebagai bukti keprihatinan kerajaan terhadap golongan ibu bekerja dalam mendepani kos sara hidup.

Rata-rata pekerja sektor awam dan swasta yang ditemui berkata bantuan tambahan selama sebulan itu membolehkan ibu yang baru melahirkan anak menjalani tempoh berpantang dengan lebih tenang tanpa tekanan kewangan.

Penolong Pengarah Kanan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), Nurfarehin Abd Aziz, 35, berkata, inisiatif itu membuktikan komitmen kerajaan dalam memperkasakan wanita.

"Ia sangat membantu, lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi sekarang yang memberikan tekanan kepada ramai pihak.

"Sekurang-kurangnya ibu yang baru melahirkan anak dapat melalui tempoh berpantang dengan lebih tenang tanpa terlalu memikirkan soal kewangan," katanya kepada

Bernama selepas Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2026 di sini.

Ketua Pembantu Tadbir Tinggi di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Laily Othman, 56, pula berkata inisiatif itu amat membantu penjawat awam wanita dalam merancang cuti bersalin.

"Bila kita dapat cuti yang lebih lama dengan sokongan elaun, kita boleh mengekalkan kesihatan mental dan kualiti masa bersama keluarga. Ini satu usaha memartabatkan wanita yang sangat bagus," katanya.

Seorang jururawat di Pejabat Kesihatan Daerah Sepang, Nur Farah Diyana Hairu Azaman, 33, yang mempunyai tiga cahaya mata berkata elaun itu akan membantu golongan ibu, khususnya bagi mereka yang memerlukan tempoh pemulihan lebih panjang selepas bersalin.

"Ia memberikan ruang untuk pemulihan yang lebih baik selain membolehkan program penyusuan anak dijayakan dengan lebih sempurna," katanya.

## INFO

>>>Bantuan guaman diperluas  
**RM50,000**

>>>Had kelayakan baharu  
**RM250,000**

>>>Mediasi percuma  
-Kes kontrak

tanpa perlu ke mahkamah

>>>Sasaran  
• Pekerja B40 & M40 rendah

>>>Impak  
• Kurang kos  
• Selesai cepat  
• Akses lebih mudah

## Pertimbang rawatan di bawah tanggungan PERKESO

**SHAH ALAM** - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyambut baik pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkaitan inisiatif membantu pekerja sempena Sambutan Hari Pekerja 2026.

Setiausaha Agungnya, Kamarul Baharin Mansor berkata, pihaknya menghargai pengumuman antara lain Progressive Acceleration for Capability and Employment (PACE) bagi pembangunan modal insan dan kestabilan pasaran buruh, pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 serta Elaun Pasca Cuti Bersalin (EPCB) sebanyak 80 peratus daripada gaji anggapan bulanan Orang Berinsurans (OB) wanita secara *one-off*.

Bagaimanapun, kata beliau, MTUC ber-

harap kerajaan turut mempertimbangkan pemberian bantuan kepada pekerja yang mempunyai penyakit kritikal seperti kanser, komplikasi jantung, buah pinggang dan lain-lain serta diberikan rawatan di bawah tanggungan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

"Selain itu, MTUC harap dana Human Resource Development Corporation (HRD Corp) dipanjangkan kepada ahli kesatuan sekerja untuk latihan atau kursus.

"Mungkin boleh pertimbangkan juga tentang pegawai kesatuan yang membantu pekerja dikecualikan daripada cukai kerana pendapatan mereka digunakan bagi menolong golongan ini.

"Akhir sekali, tambahan caruman majikan

dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi memberikan simpanan persaraan yang tinggi," katanya kepada *Sinar Harian*.

Anwar ketika menyampaikan amanat pada Sambutan Hari Pekerja 2026 mengumumkan bahawa Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) akan melaksanakan Pakej Daya Tahan Ekonomi dinamakan PACE sebagai sebahagian strategi pembangunan modal insan dan kestabilan pasaran buruh.

Selain itu, beliau turut memaklumkan kerajaan bakal meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 bagi membolehkan perlindungan diperluas kepada rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara, bermula dengan pekerja rentas sempadan Malaysia-Singapura.



## Hargailah jasa pekerja Malaysia

**G**erakan pekerja antara-bangsa yang memperjuangkan hak buruh bermula selepas peristiwa *Haymarket Affair* di Chicago, Amerika Syarikat (AS) pada 1886. Demonstrasi itu menuntut waktu kerja lapan jam sehari dan ia menjadi simbol perjuangan pekerja di seluruh dunia.

Tetapi disebabkan peristiwa itu, AS tidak sambut Hari Buruh atau Hari Pekerja pada 1 Mei kerana tarikh itu dikaitkan dengan gerakan buruh radikal lalu mereka memilih tarikh yang lebih neutral iaitu pada bulan September.

Di Malaysia, Hari Pekerja mula diiktiraf dan disambut sebagai cuti umum sejak 1972, bagi menghargai sumbangan golongan pekerja kepada pembangunan negara.

Kalau kita imbas sejarah negara iaitu pada zaman penjajahan British, tenaga buruh negara terdiri dari sektor perladangan getah, perlombongan bijih timah, pelabuhan dan kereta api.

Pada masa itu, pekerja-pekerja dibelenggu oleh kadar gaji yang rendah, waktu kerja yang panjang dan kebajikan yang



**PARANG TUMPUL**

JUNHAIRI  
ALYASA

sangat terhad.

Keadaan itu akhirnya mencetuskan penubuhan kesatuan sekerja dan menyebabkan beberapa siri mogok besar berlaku antara 1930-an hingga 1940-an.

Dekad-dekad seterusnya menyaksikan gerakan buruh lebih tersusun, namun berdepan dengan tekanan politik.

Dalam sejarah negara, Presiden Pan-Malayan Federation of Trade Unions, SA Ganapathy menjadi simbol perjuangan buruh, namun dihukum gantung pada 1949.

Seorang lagi ialah P Veerasenan iaitu pemimpin kesatuan buruh yang aktif memperjuangkan hak pekerja ladang, turut dibunuh askar Gurka pada tahun yang sama.

Gerakan buruh pada ketika itu sering dikaitkan dengan pengaruh ideologi kiri, menyebabkan banyak kesatuan diharamkan semasa Darurat Malaya pada 1948 hingga 1960.

Selepas merdeka, gerakan buruh menjadi lebih formal dan dikawal melalui undang-undang. Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) ditubuhkan pada 1949 dan sehingga kini menjadi payung utama kesatuan

sekerja di Malaysia.

Mereka memainkan peranan penting melakukan rundingan gaji dan syarat kerja, mewakili pekerja dalam polisi kerajaan, menyoalakan isu kos sara hidup serta kebajikan - perjuangan yang diteruskan hingga ke hari ini.

Berdasarkan rekod terdapat seramai 17 juta tenaga buruh di negara ini dengan 16 juta sedang aktif bekerja.

Golongan profesional dan berkemahiran tinggi dianggarkan seramai 5.5 juta orang.

Sementara pekerja berkemahiran rendah atau separa mahir adalah yang paling tinggi iaitu 11 juta orang.

Ini menunjukkan bahawa Malaysia masih belum lagi menjadi sebuah negara dengan ekonomi yang berasaskan kepada kemahiran tinggi.

Selain itu, cabaran paling besar negara adalah memastikan kebajikan golongan pekerja gig terpelihara. Dipercayai terdapat seramai 3.45 juta rakyat terdiri dari pekerja kategori tersebut.

Mereka ini terdiri daripada pekerja sendiri dan bekerja dalam industri p-hailing dan e-hailing atau p-hailing.

Sehubungan itu, sempena Hari Pekerja yang disambut meriah semalam, Perdana

Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan tiga 'hadiah' untuk pekerja di negara ini bagi menghargai jasa dan pengorbanan mereka.

Pertama ialah Elaun Pasca Cuti Bersalin iaitu bantuan kewangan sehingga 30 hari selepas cuti bersalin, sebanyak 80 peratus daripada gaji dan ia akan memberi manfaat kepada lebih 132,000 pekerja wanita.

Kedua ialah perluasan perlindungan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kepada rakyat Malaysia bekerja di luar negara, bermula pekerja rentas sempadan Malaysia-Singapura, dengan pindaan undang-undang diperlukan.

Ketiga, pelaksanaan Pakej Daya Tahan Ekonomi 2026 (PACE) melebihi RM710 juta untuk latihan, perlindungan sosial Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), pengupayaan gig dan geran latihan industri.

Semoga pendekatan yang bakal dilaksanakan itu akan dapat membantu melindungi pekerja Malaysia dalam mengharungi cabaran yang lebih getir dan besar dalam masa terdekat.

Hargailah jasa dan pengorbanan pekerja di Malaysia.

*\*Junhairi Alyasa ialah Pengarang Berita Sinar Harian*

KERAJAAN PERKENAL KEMUDAHAN PASCA BERSALIN SOKONG IBU BEKERJA

# TAWAR ELAUN 80% GAJI

Kuala Lumpur

Kerajaan akan memperkenalkan Elaun Pasca Cuti Bersalin sebagai langkah progresif bagi menyokong penyertaan wanita dalam tenaga buruh serta mengurangkan tekanan yang dihadapi ibu selepas melahirkan anak.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, inisiatif itu diperkenalkan susulan dapatan bahawa kadar penyertaan tenaga buruh dalam kalangan wanita, khususnya berusia antara 25 hingga 39 tahun, menunjukkan sedikit penurunan, antaranya disebabkan komitmen materniti.

Beliau berkata, elaun itu akan diperkenalkan melalui pindaan kepada Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 dan bertujuan memberikan sokongan kewangan tambahan kepada ibu yang memerlukan masa lebih panjang selepas tempoh cuti bersalin.

"Rasionalnya ialah kita tidak mahu selepas itu se-pertimana yang berlaku selama ini, ibu merasakan terpaksa berhenti dan meninggalkan medan pekerjaan," kata beliau ketika menyampaikan amanat pada Sambutan Hari Pe-



ANWAR beramah mesra bersama pemandu e-hailing orang kurang upaya (OKU) yang hadir pada Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2026 di Unifi Arena, Bukit Jalil, semalam.

kerja Peringkat Kebangsaan 2026, di sini, semalam.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, faedah elaun akan ditetapkan pada kadar 80 peratus daripada gaji anggap bulanan bagi pekerja wanita yang diinsurans-

kan dan akan dibayar secara sekali beri (*one-off*).

"Elaun ini merupakan bantuan kewangan bagi cuti tambahan hingga 30 hari sebulan yang diambil selepas tamat tempoh cuti bersalin 98 hari," kata beliau sambil menambah kerajaan sentiasa komited

dalam memperkasakan wanita sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan sosial negara.

Anwar berkata, inisiatif itu dijangka memberikan manfaat kepada lebih 132,000 pekerja wanita di seluruh negara.

Mengikut Akta Kerja 1955, setiap pekerja wanita di negara ini layak menikmati cuti bersalin sebanyak 98 hari berterusan termasuk hari rehat dan hari kelepasan am.

Pekerja wanita turut layak mendapatkan elaun bersalin sekiranya bekerja

sekarang-kurangnya 90 hari dalam tempoh sembilan bulan sebelum bersalin. Pekerja sekurang-kurangnya sehari dalam tempoh empat bulan sebelum bersalin dan mempunyai kurang daripada lima orang anak yang masih hidup.

**Kuala Lumpur:** Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menganugerahkan 14 pemenang Anugerah Hari Pekerja 2026 atas sumbangan besar dalam sektor awam dan swasta bagi pekerja, majikan, media dan kesatuan sekerja.

Majlis penyampaian anugerah itu disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi serta Menteri Sumber Manusia (KESUMA) Datuk Seri Ramanan Ramakrishnan dalam Karnival Sambutan Hari Pekerja 2026 di Unifi Arena, Bukit Jalil, di sini, semalam.

Antara anugerah yang disampaikan adalah Anugerah Tokoh Pekerja Negara (Perkhidmatan Awam), Anugerah Kesatuan Sekerja Terbaik Negara bagi kategori sektor awam, swasta dan badan berkanun serta Anugerah Media Terbaik yang merangkumi kategori indivi-

## KESUMA iktiraf 14 Penerima Anugerah Hari Pekerja

du dan agensi. Bagi kategori kesatuan sekerja, Anugerah Kesatuan Sekerja Terbaik Negara Sektor Awam 2026 menjadi milik Sarawak Teachers' Union (STU).

Presiden STU Kullin Dja yang berkata, ia adalah merupakan anugerah pertama yang diterima kesatuan berkenaan.

"Ini adalah satu anugerah dan juga pengiktirafan kepada STU selepas 60 tahun berjuang. "Saya mengucapkan ribuan tahniah dan terima kasih kepada semua pemimpin STU yang lalu serta kepimpinan semasa termasuk semua pihak yang sudah bertungkus-lumus," katanya.

Kesatuan itu turut diiktiraf atas pembabitannya dalam program antarabangsa termasuk inisiatif

Education International Asia Pacific di Bangkok (Thailand) serta sumbangan dalam memperkasa profesion perguruan di peringkat ASEAN.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wasiyyah Arifin Sabirin yang menerima Anugerah Tokoh Pekerja Negara 2026 berkata, pengiktirafan diterima pihaknya amat penting dalam menyuntik semangat pekerja untuk terus meningkatkan prestasi, khususnya dalam menghadapi cabaran ekonomi dengan.

"Kita berdepan dengan cabaran ekonomi yang hebat pada masa kini. Jadi anugerah seperti ini memberikan semangat yang kuat kepada kita untuk bekerja lebih keras dalam membantu negara dan meningkatkan pro-

duktiviti.

"Saya turut ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada KESUMA, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan pihak kerajaan yang dipimpin Perdana Menteri kerana memberikan anugerah ini kepada pekerja-pekerja," katanya.

Kumpulan berkenaan menerima anugerah itu bagi kategori eksekutif serta pembabitannya di peringkat antarabangsa termasuk di Thailand serta pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat.

Selain itu, Anugerah Kesatuan Sekerja Terbaik Negara Sektor Swasta 2026 diberikan kepada Kesatuan Pekerja-Pekerja Pakaian Seragam Pos Malaysia Berhad Semenanjung Malaysia (UPUS).

## Pakej PACE RM710j perkasakan pekerja

**Kuala Lumpur** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan Pakej Daya Tahan Ekonomi *Progressive Acceleration for Capability and Employment* (PACE) bernilai lebih RM710 juta sebagai langkah memperkuhkan pembangunan modal insan dan kestabilan pasaran buruh negara.

Ketika menyampaikan amanat pada Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2026 di Unifi Arena, Bukit Jalil semalam, beliau berkata PACE merupakan sebahagian daripada strategi daya tahan ekonomi.

"Ia meliputi empat inisiatif utama dan dilaksanakan melalui Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)," kata beliau.

Selain itu, Perdana Menteri mengumumkan akan membuat pindaan kepada

Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017, bagi memperluas perlindungan menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) kepada rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara, bermula dengan pekerja rentas sempadan Malaysia-Singapura.

Inisiatif itu dijangka dapat memanfaatkan lebih 480,000 pekerja yang mencari rezeki merentasi Tambak Johor.

"Secara purata, satu nyawa rakyat kita hilang setiap minggu atau 54 kematian setahun dalam kalangan pekerja rentas sempadan ini. Anak-anak kita bekerja di luar negara bangun jam 4 pagi menyeronokkan ke Singapura pulang malam. Jadi kita akan pinda Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 bagi beri perlindungan," kata beliau.

## 3 inisiatif perkasas golongan pekerja

- Kerajaan perkenal PACE bernilai lebih RM710 juta
- Wanita, pekerja rentas sempadan diberi perhatian

Oleh MUHAMMAD NAJIB AHMAD FUAD

**KUALA LUMPUR** – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan tiga inisiatif bagi memperkukuh pasaran buruh negara sempena sambutan Hari Pekerja 2026 yang bertemakan "Pekerja Madani, Kesuma Bangsa" semalam.

Inisiatif itu meliputi pengenalan Pakej Daya Tahan Ekonomi 2026 (PACE) bernilai lebih RM710 juta, Elaun Pasca Cuti Bersalin (EPCB) dan perluasan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bagi rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara.

Katanya, kerajaan tidak boleh terlalu selesa walaupun kadar pengangguran berada pada tahap 2.9 peratus paras terendah dalam tempoh lebih sedekad. "Kita tidak boleh leka dan perlu proaktif serta bersedia siaga terutama dalam era teknologi cepat berubah.

"Kita perlu membantu pekerja terus berdaya saing dan (persiapan) bagi yang bakal kehilangan pekerjaan untuk dilatih dengan kemahiran baharu seiring de-



**ANWAR** (empat dari kanan) menyampaikan Anugerah Tokoh Pekerja Negara Perkhidmatan Awam kepada Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Datuk Seri Amran Mohamed Zin sempena sambutan Hari Pekerja semalam.

ngan permintaan dan keperluan industri terkini," katanya ketika menyampaikan amanat sempena sambutan Hari Pekerja 2026 di Bukit Jalil di sini semalam.

PACE memberi fokus kepada empat inisiatif utama iaitu kesiapsiagaan perlindungan sosial menerusi Sistem Insurans Pekerjaan dengan dana lebih RM580 juta bagi membantu pekerja yang hilang pekerjaan dan meningkatkan peluang

pekerjaan semula.

"Inisiatif kedua adalah pemerkasaan latihan dan penempatan kerja dengan peruntukan RM100 juta melalui HRD Corp," ujarnya.

Kerajaan turut memberi tumpuan kepada pengupayaan pekerja gig menerusi peruntukan RM20 juta melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Kemahiran bagi meningkatkan kemahiran dan perlindungan sosial golo-

ngan tersebut.

"Bagi pemantapan bakat muda dan ketahanan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), kita akan sediakan Geran Padanan Latihan Industri bagi menyokong perusahaan PMKS dan syarikat pemula yang mengambil pelatih industri. Inisiatif ini dibiayai TalentCorp dengan peruntukan RM10 juta," katanya.

Selain itu, kerajaan turut ber-

cadang memperkenalkan EPCB untuk memperkasakan penyertaan wanita dalam tenaga buruh. Elaun itu merupakan bantuan kewangan bagi cuti tambahan sehingga 30 hari selepas tamat cuti bersalin selama 98 hari.

Katanya, kadar penyertaan tenaga buruh wanita menunjukkan penurunan ketara dan komitmen keibuan dikenal pasti antara faktor utama yang menyumbang kepada trend tersebut.

Pelaksanaan inisiatif itu melibatkan pindaan kepada Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017.

Tambahnya, kerajaan turut bercadang memperluas perlindungan Perkeso kepada rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara, khususnya Singapura susulan kebimbangan terhadap aspek keselamatan apabila secara purata satu kematian direkodkan setiap minggu atau 54 kes setahun dalam kalangan pekerja rentas sempadan.

Inisiatif itu dijangka memberi manfaat kepada lebih 480,000 pekerja Malaysia di luar negara.

"Kerajaan akan memperkukuh kerangka perlindungan sedia ada termasuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 bagi membolehkan perlindungan diperluaskan kepada golongan tersebut.

"Perlindungan diperluaskan kepada rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara bermula dengan pekerja rentas sempadan Malaysia-Singapura," katanya.

## Sasaran gaji RM3,000 menjelang 2030 – Ramanan

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan komited memperkukuh kedudukan pekerja dengan menasarakkan peningkatan gaji bulanan kepada RM3,000 menjelang 2030 menerusi pembaharuan menyeluruh pasaran buruh negara.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R. Ramanan berkata, usaha itu akan dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia ke-13 yang memberi penekanan kepada ekosistem pekerjaan lebih dinamik, mampan dan berdaya saing.

Menurut beliau, kerajaan mahu membentuk kontrak baharu antara majikan dan pekerja untuk memastikan keuntungan dirasai oleh kedua-dua belah pihak.

"Dalam kontrak ini, kita menolak model lama yang membiarkan keuntungan terkumpul atau berlegar di satu pihak sementara risiko dipindahkan kepada pihak yang paling lemah," katanya ketika menyampaikan ucapan sempena sambutan Hari Pekerja 2026 di sini semalam.

Sambutan itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri An-



**ANWAR** melambai tangan kepada kumpulan pekerja termasuk penjawat awam yang hadir sempena sambutan Hari Pekerja 2026 di Bukit Jalil, Kuala Lumpur semalam. – AFIQ RAZALI

war Ibrahim.

Menurut beliau, selain sasaran gaji, kerajaan juga menetapkan pampasan pekerja mencapai 40 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDKN) sebagai langkah memperkukuh kesejahteraan tenaga kerja.

Dalam masa sama, Ramanan berkata, Malaysia berhasrat beralih daripada sekadar pengguna teknologi kepada peneraju, khususnya dalam bidang kecerdasan buatan (AI).

"Kita mahu label 'Made by Malaysia' terpapar pada litar bersepadu dan perisian AI di seluruh dunia, bukan lagi sebagai pengguna, tetapi pencipta teknologi.

"Oleh itu Kementerian Sumber Manusia akan menubuhkan Akademi Semikonduktor Kesuma untuk melatih bakat dalam reka bentuk cip dan pembuatan AI," katanya.

Tegasnya, kerajaan akan terus memantau kesan geopolitik terhadap pasaran buruh dan bersedia melaksanakan intervensi bagi memastikan kebajikan pekerja serta kelangsungan industri sentiasa terpelihara.

Akhbar	New Straits Times
Tarikh	2 Mei 2026
Ruang	Cover Page
Muka Surat	1

# FORTIFYING WORKERS' WELFARE

THE government unveils a wave of Workers Day initiatives to safeguard livelihoods amid escalating global economic pressures.

- RM710 million plan to future-proof workers through tech retraining
- One-off post-maternity leave allowance to support working mums
- Broader safety net for Malaysians working abroad, starting with those in Singapore

## MORE HIGHLIGHTS

- Govt won't betray the people's mandate while navigating fuel hikes, says PM
- Skim Lindung Kasih under Perkeso to kick off in June

» PAGES 2 & 3



BERNAMA P.I.C

GOVT'S COMMITMENT

# BOOST FOR WORKERS' WELFARE, UPSKILLING

PM unveils plans as part of economic resilience measures to future-proof nation's workforce

HAKIM MAHARI AND INAS FARID  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**T**HE government is rolling out a series of measures to strengthen workers' welfare, including an over RM700-million economic resilience package, a one-off post-maternity allowance for working mothers and social security protection for Malaysians working abroad.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said these initiatives reflected the government's commitment to building a future-ready workforce and recognising the vital role of women, including mothers.

At the national Workers' Day celebration themed *Pekerja Madani Kesuma Negara* yesterday, Anwar announced that the government, through the Human Resources Ministry, will implement the Progressive Acceleration for Capability and Employment (Pace), which forms part of the Economic Resilience Package 2026.

Anwar said the RM710 million allocated to Pace will ensure workers remain competitive amid rapid technological changes, while also providing re-training for those at risk of job loss.

"The labour market remains strong, with the current unemployment rate at 2.9 per cent, the lowest in more than 10 years. However, we cannot be complacent and must remain proactive and prepared.

"Especially in an era of rapid technological change, we must help workers remain competitive and ensure those who may lose their jobs are retrained with new skills aligned with current industry demands," Anwar, who is also finance minister, said.

Present were Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Human Resources Minister Datuk Seri R. Ramanan, and Chief Secretary to the Gov-



People at a career fair organised by the Social Security Organisation (Perkeso) in Kuala Lumpur last Sunday. Perkeso has prepared RM580 million to boost Employment Insurance System support for those who have lost their jobs. NSTP PIC BY RAIHANA MANSOR

ernment Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

The initiative will have four key components. The first is better Employment Insurance System (EIS) support for those who lose their jobs and measures to improve employability.

"For this, the Human Resources Ministry, through the Social Security Organisation (Perkeso), has prepared an EIS fund exceeding RM580 million."

The second is training and job placement empowerment, targeting youths and vulnerable groups through RM100 million allocated under HRD Corp's HRD Yakin Madani programme, supported by MyFutureJobs to facilitate job matching.

The third is empowering gig workers, with RM20 million allocated to the Skills Development Fund Corporation to enhance training and social protection.

The fourth is RM10 million to support small and medium enterprises and start-ups hiring industrial trainees through an Industry Internship Matching Grant funded by TalentCorp.

Anwar also announced that the government will soon provide female employees completing their maternity leave with one-off financial assistance, a move expected to benefit more than 132,000 women.

He said the initiative under the EIS Act will provide financial assistance for up to 30 days of additional leave taken after the 98-day maternity leave period.

Anwar said the proposed one-off benefit would be 80 per cent of the insured woman's assumed monthly salary.

"I understand the challenges of raising children... I have six my-

self. As a progressive step, the government has agreed in principle to introduce the Post-Maternity Leave Allowance under the Employment Insurance System Act."

He said the female labour force participation rate had dropped sharply from 78.9 per cent for those aged 25 to 29 to 68.6 per cent for those aged 35 to 39.

"Maternity commitments are believed to be one of the contributing factors to this decline."

He said the government does not want mothers to feel compelled to leave the workforce.

"This is our proposal to reduce that pressure, and it will involve amendments to the Employment Insurance System Act."

Anwar also announced that the government will amend the Self-Employment Social Security Act to extend protection to Malaysians working abroad.

He said the initiative would first target cross-border workers in Singapore before expanding to other groups of Malaysians working in foreign countries.

"On average, one Malaysian life is lost every week, or 54 deaths a year, among these cross-border workers," he said.

The amendment is expected to benefit more than 480,000 workers.

At the event, 14 individuals and organisations were honoured for their contributions to Malaysia's workforce development across the public and private sectors.

